

Received	25 July 2024	Accepted	26 July 2024
Revised	30 August 2024	Published	1 December 2024
Volume	5, December 2024	Pages	35-45
<a href="http://doi.org/">http://doi.org/</a>			
<b>To cite:</b> Khazri Osman et. al. 2024. Penerapan teori takmilah dalam novel Tuhan Lebih Saintifik. <i>Al-Qalam International Journal of Arabic Studies</i> . Vol. 5 (December 2024): 35-45. DOI: <a href="http://doi.org/">http://doi.org/</a>			

## Penerapan Teori Takmilah dalam Novel Tuhan Lebih Saintifik The Application of Takmilah Theory in the Novel Tuhan Lebih Saintifik

Khazri Osman<sup>1</sup>, Rabiatul Farzanah Zabidi<sup>2</sup> & Nur Syakirah Moid<sup>3</sup>

### Abstrak

Artikel ini menganalisis aplikasi Teori Takmilah dalam novel Tuhan Lebih Saintifik karya Dr. Farhan Hadi, yang menggabungkan sains dengan nilai-nilai Islam sebagai medium dakwah. Teori Takmilah, yang diperkenalkan oleh Dr. Shafie Abu Bakar, merupakan teori sastera Islam yang berteraskan konsep kesempurnaan dan keindahan melalui prinsip ketuhanan, kerasulan, keislaman, ilmu, dan estetika, selain menekankan peranan pengarang dan khalayak dalam membentuk kesedaran agama. Dalam novel ini, prinsip-prinsip utama Takmilah diaplikasikan, termasuk Kesempurnaan Ketuhanan (Kamal), Insan Kamil, Kesempurnaan Islam (Akmal), serta peranan pengarang dan khalayak. Melalui pendekatan ini, novel ini berjaya memaparkan sifat-sifat Allah SWT melalui bukti saintifik dan alam semula jadi, memperlihatkan Islam sebagai sistem hidup yang lengkap. Kajian ini menunjukkan bahawa Tuhan Lebih Saintifik bukan sahaja menyatukan sains dan nilai Islam secara berkesan, tetapi juga berjaya mengukuhkan pemahaman agama dan memperdalam kesedaran beragama dalam kalangan pembaca.

**Kata kunci:** teori takmilah, sastera Islam, dakwah, keindahan dan kesempurnaan, novel *Tuhan Lebih Saintifik*

<sup>1</sup> Khazri Osman, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. e-Mel: khazri@ukm.edu.my

<sup>2</sup> Rabiatul Farzanah Zabidi, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, e-Mel: rabiatul.farzanah@yahoo.com

<sup>3</sup> Nur Syakirah Moid, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, e-Mel: nursyakirahmoid00@gmail.com

## Abstract

*This article examines the application of Takmilah Theory in Tuhan Lebih Saintifik, a novel by Dr. Farhan Hadi that combines science with Islamic values as a medium for religious outreach. Takmilah Theory, introduced by Dr. Shafie Abu Bakar, is an Islamic literary theory centered on the concepts of perfection and beauty, emphasizing divinity, prophethood, Islam, knowledge, and aesthetics, while also highlighting the roles of the author and audience in fostering religious consciousness. In this novel, key Takmilah principles are applied, including Divine Perfection (Kamal), Insan Kamil (Perfect Human), Islamic Completeness (Akmal), and the integration of the author and audience roles. Through this approach, the novel effectively showcases Allah's attributes via scientific evidence and nature, presenting Islam as a comprehensive life system. This study reveals that Tuhan Lebih Saintifik not only successfully integrates science and Islamic values but also strengthens religious understanding and deepens spiritual awareness among readers.*

**Keywords:** takmilah theory, Islamic literature, dakwah, beauty and perfection

## Pendahuluan

Manusia secara fitrah sentiasa menginginkan hiburan, suatu elemen semula jadi dalam kehidupan sejak dahulu hingga kini. Hiburan memenuhi naluri insan yang mendorong mereka mencari keseronokan melalui pelbagai aktiviti untuk mengisi masa lapang. Kecenderungan ini sering dipengaruhi oleh minat individu serta perkembangan sosial semasa. Menurut Shahnon Ahmad (1989), karya naratif seperti novel memiliki potensi mendidik pembaca untuk memahami dan menilai keadaan sosial masyarakat. Pemahaman dan penilaian ini boleh diperoleh melalui kritikan sosial, tingkah laku, dan gerak geri manusia dalam pelbagai situasi, termasuk adegan jenaka, simbolik, atau satira yang ditonjolkan dengan jelas atau tersirat dalam cerita novel. Menurut Shahnon lagi, aspek kehibaan, kerinduan, dan kesedihan hati, atau bahkan kegelisahan, mampu menggerakkan pembaca ke tahap rasa simpati yang kadang-kadang sangat halus. Selain itu, novel juga memberikan kebebasan kepada manusia untuk menjelajahi alam khayalan, menembus lapisan hidup di luar jangkaan, dan meneroka babak impian serta fantasi. Elemen-elemen ini membantu para pembaca memahami dan menghayati situasi yang dipaparkan dalam cerita, sehingga dapat membangkitkan rasa empati dalam hati mereka.

Untuk menganalisis sesebuah karya, teori yang kukuh diperlukan agar karya yang dianalisis dapat diulas dengan baik dan menyeluruh. Misalnya untuk mengulas karya yang bercirikan Islam, sudah pastilah teori yang dihasilkan oleh sarjana yang memiliki lata belakang keislaman yang kuat. Teori yang dihasilkan oleh sarjana tersebut juga hendaklah dibina berdasarkan prinsip-prinsip atau konsep yang tetap dan konsisten. Prinsip ini menjadi asas dalam menjelaskan dan memahami karya sastera serta memberi panduan dalam analisis sastera. Teori Takmilah merupakan

sebuah teori sastera Islam yang telah digagaskan oleh Shafie Abu Bakar, iaitu seorang sarjana tempatan yang cukup terkenal dan juga mantan pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1993. Beliau telah menggunakan falsafah tauhid sebagai tunjang utama bagi pembinaan teori ini dengan mengemukakan tujuh prinsip keislaman secara keseluruhannya. Prinsip-prinsip tersebut adalah seperti Prinsip Ketuhanan Bersifat Kamal, Prinsip Kerasulan Sebagai Insan Kamil, Prinsip Keislaman Bersifat Akmal, Prinsip Ilmu dengan Sastera yang Bersifat Takamul, Prinsip Sastera yang Berciri Estetik dan Bersifat Takmilah, Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan Diri dan Prinsip Khalayak ke Arah Insan Kamil (Nurul Farahana Azman & Firuz Akhtar 2021). Pengasas teori ini, iaitu Shafei Abu Bakar (1997) juga pernah menegaskan, Teori Takmilah merupakan seni sastera yang perlu ditonjolkan keindahan dan kesempurnaannya seperti yang ada dalam al-Quran dan al-Hadis. Dalam erti kata lain, Teori Takmilah merupakan satu perkembangan baru dalam dunia kritikan sastera tempatan.

### Permasalahan Kajian

Dalam era moden, masyarakat semakin cenderung kepada pendekatan rasional dan saintifik, yang kadangkala menyebabkan konflik dengan kepercayaan agama. Namun, kesukaran utama adalah bagaimana elemen-elemen saintifik yang bersifat empirikal boleh disepadukan dengan prinsip-prinsip ketuhanan dan kesempurnaan Islam, seperti yang dikemukakan dalam Teori Takmilah, tanpa mengurangkan aspek keagamaan atau estetika sastera itu sendiri. Tambahan pula, wujud persoalan sama ada pendekatan ini mampu menyampaikan hujah-hujah keagamaan secara efektif kepada pembaca yang mungkin skeptikal atau kurang berpengetahuan dalam agama. Novel "Tuhan Lebih Saintifik" oleh Dr. Farhan Hadi membangkitkan isu ini, dengan percubaan untuk menampilkan sains sebagai jalan untuk memahami ketuhanan dan kekuasaan Allah SWT. Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan untuk menilai keberkesanan pendekatan ini dalam memperkuuh kefahaman konsep ketuhanan dan keindahan Islam melalui sains, serta untuk mengkaji kesesuaianya sebagai medium dakwah dalam menangani persoalan iman di kalangan pembaca era kontemporari.

### Objektif Kajian

- a. Menganalisis penerapan Teori Takmilah dalam novel "Tuhan Lebih Saintifik" karya Dr. Farhan Hadi, dengan fokus kepada cara prinsip-prinsip utama teori ini, seperti Kesempurnaan Ketuhanan (Kamal), Insan Kamil, dan Kesempurnaan Islam (Akmal), diaplikasikan dalam penceritaan novel.
- b. Menilai keberkesanan gabungan elemen sains dan nilai-nilai Islam dalam novel ini sebagai medium dakwah kontemporari, serta meneliti sejauh mana pendekatan ini memperkuuh kefahaman pembaca tentang konsep ketuhanan dan keindahan Islam.
- c. Mengenal pasti peranan aspek estetika dan ilmu dalam sastera Islam seperti yang digariskan oleh Teori Takmilah dalam memperdalam kefahaman Islam dan memupuk kesedaran agama dalam kalangan pembaca melalui naratif novel ini.

- d. Mengulas peranan novel sebagai sastera Islam kontemporari yang berfungsi bukan sahaja sebagai hiburan tetapi juga sebagai alat pendidikan dan dakwah yang efektif dalam membina pemahaman Islam yang lebih mendalam.

### Latar Belakang Novel dan Penulis

Novel berjudul *Tuhan Lebih Saintifik* ini merupakan karya Dr. Farhan Hadi, diterbitkan pada tahun 2018. Dr. Farhan Hadi ialah lulusan bidang perubatan dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan bertugas sebagai pegawai perubatan di Hospital Kuala Lipis. Beliau juga merupakan penulis dan editor di Syarikat Telaga Biru Sdn. Bhd. Novel ini banyak menyentuh nilai-nilai agama yang menjadi kekeliruan bagi golongan ateis serta mahasiswa beragama Kristian, Buddha, dan Hindu. Novel ini membuka minda pembaca tentang kebenaran agama Islam melalui hujah-hujah saintifik dan logik akal yang terdapat dalamnya.

Novel setebal 410 halaman ini mengisahkan seorang pensyarah bernama Dr. Donald, seorang pengikut Kristian yang akhirnya meninggalkan agama tersebut kerana tidak menemui kebenaran dan bukti kukuh setelah berusaha mencari relevansi agama tersebut. Beliau kemudian menjadi seorang ateis yang aktif berdebat dengan masyarakat dalam usahanya mengajak orang lain untuk menyertai pegangannya, kerana baginya agama hanyalah pegangan tanpa asas kukuh. Dalam menyebarkan fahaman ateisnya di universiti, ramai mahasiswa dan kakitangan universiti yang terpengaruh dengan pandangan yang dibawanya. Dalam usahanya menyebarkan fahaman mengenai kehidupan tanpa Tuhan, Dr. Donald ditakdirkan bertemu dengan seorang pensyarah mahir dalam bidang sains dan berpengetahuan tinggi dalam bidang agama, yang dikenali sebagai Dr. Ahmad Zabidi. Setiap kali berbicara dengan Dr. Ahmad Zabidi, persoalan yang diajukan oleh Dr. Donald dijawab dengan tenang oleh Dr. Ahmad Zabidi. Niat Dr. Donald pada mulanya adalah untuk mempengaruhi Dr. Ahmad Zabidi dengan fahaman ateisnya, tetapi perbualan mereka menyebabkan beliau semakin menemui banyak kebenaran dalam agama Islam.

Pandangan Dr. Donald yang tidak mempercayai Tuhan semakin tergugat apabila beliau mengalami musibah kehilangan laptop yang menyimpan banyak maklumat penting hasil kerjanya selama beberapa tahun. Tambahan pula, kesedihan melanda dirinya apabila ibunya berada dalam keadaan sakit tenat, yang menyedarkan beliau tentang keperluan kepada kuasa ghaib yang menciptakan manusia. Semakin banyak persoalan tentang agama yang timbul dalam dirinya, semakin terjawab melalui bukti-bukti dalam al-Quran, yang turut dikukuhkan lagi dengan bukti-bukti saintifik. Novel ini berakhir dengan pengislaman Dr. Donald, yang kemudian bertekad untuk menjadi asbab hidayah bagi orang lain.

### Analisis Teori Takmilah dalam Novel

#### a. Prinsip Ketuhanan Yang Bersifat Kamal

Menurut Shafei Abu Bakar (1997), prinsip pertama dalam teori Takmilah ini menghuraikan hubungan dua sifat Allah SWT iaitu Kamal (sempurna) dan Jamal (keindahan). Kedua-dua sifat ini terpancar melalui makhluk ciptaan-Nya seperti

manusia sekaligus membuktikan bahawa sifat-sifat ini mempunyai pertalian yang sangat erat dalam menghubungkan Allah SWT dengan manusia.

“Al-Quran bukanlah sebuah buku sains. Tetapi al-Quran lebih hebat daripada buku sains, kerana al-Quran ialah wahyu daripada Allah SWT. Tiada buku sains yang setara dengan al-Quran. Al-Quran diturunkan sebagai petunjuk kepada manusia supaya manusia dapat membezakan antara yang benar dan yang salah.”

(hlm. 102)

Petikan tersebut merupakan sebahagian daripada perungkapan ceramah agama yang disampaikan oleh Dr. Ahmad Zabidi kepada mahasiswa yang mengambil bidang sains. Hal ini untuk memberikan pencerahan kepada mahasiswa tentang kelebihan mempelajari ilmu sains dan pada masa yang sama mengaitkan semua yang dipelajari dengan kekuasaan Allah SWT. Hal ini demikian kerana, segala yang terdapat di langit dan di bumi sudah dijelaskan oleh Allah SWT dalam al-Quran, iaitu kitab Allah yang sempurna meliputi seluruh aspek kehidupan manusia yang seterusnya menjadi bukti kewujudan dan kebesaran Allah SWT. Firman Allah SWT dalam Surah al-Hijr ayat 9:

إِنَّا نَخْرُجُ مِنَ الْكِتَابِ وَإِنَّا لَهُ لَحْفَاظُونَ

“Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan *al-zikr* (al-Quran), dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya”.

Dia berkata, “Saya telah mengelilingi dunia ini. Saya telah menyaksikan alam yang begitu hebat. Saya telah menyaksikan sendiri kehebatan ciptaan Tuhan dengan mata kepala saya. Saya seolah-olah telah bertemu Tuhan apabila menyaksikan kehebatan ciptaan-Nya.

(hlm. 97)

Yang berikut ialah petikan kata-kata yang dipetik daripada ceramah Dr. Ahmad Zabidi yang mengaitkan penciptaan langit dan bumi yang sangat hebat dengan penciptanya. Dalam ceramah beliau, beliau menjelaskan mengenai hidayah yang diperolehi oleh ahli saintis selepas melihat dan mengkaji keindahan alam. Hal ini memberikan kesedaran kepada pembaca bahawa mustahil untuk wujudnya sesuatu yang sangat hebat tanpa adanya pencipta. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 117:

وَإِذَا قَضَىٰ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ

Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi (dengan segala keindahannya); dan apabila Ia berkehendak (untuk menjadikan) suatu, maka Ia hanya berfirman kepadanya: "Jadilah engkau!" Lalu menjadilah ia.

#### b. Prinsip Kerasulan Sebagai Insan Kamil

Menurut Shafei Abu Bakar (1997), prinsip Takmilah yang kedua iaitu prinsip kerasulan sebagai insan Kamil mempunyai pertalian dengan Rasulullah SAW sebagai insan Kamil yang mempunyai pertalian dengan istilah "Kamal" bererti sifat Allah

yang Maha Sempurna. Menurut Kamariah Kamaruddin et al. (2016), sifat yang ada pada Rasulullah SAW sebagai insan Kamil (sempurna) ini membuktikan kewujudan manusia dengan sebaik-baik kejadian yang seterusnya dapat dijadikan qud wah hasanah (contoh tauladan) kepada manusia dalam merealisasikan kehidupan lebih baik.

Cerita-cerita mengenai kegigihan Nabi Muhammad SAW berdakwah memberi satu motivasi yang hebat kepada dirinya. Seruan baginda pernah ditolak secara total di Thaif bahkan baginda dicederakan pula. Namun sekelumit pun tidak ada rasa putus asa dalam diri baginda untuk meneruskan dakwah.

(hlm. 382)

Melalui petikan tersebut, penulis menerangkan tentang usaha watak dalam novel dalam mencontohi kegigihan Nabi Muhammad SAW dalam menyebarkan dakwah. Baginda diuji dengan pelbagai ujian, namun baginda tidak pernah berputus asa untuk terus meneruskan dakwah baginda. Menurut Asming Yalawae & Ahmad Farid Ibrahim (2007), Rasulullah SAW diibaratkan sebagai penyempurnaan atau pelengkap kepada sebuah bangunan yang belum siap dibina. Dalam erti kata lain, kebangkitan Rasulullah SAW adalah untuk menyempurnakan akhlak umat manusia melalui kesabaran dan budi pekerti baginda yang luhur. Baginda merupakan insan yang memiliki ketinggian dan keagungan akhlak yang tiada bandingannya. Allah SWT memuji baginda dalam Surah al-Qalam ayat 4:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung.

Menurut Sa'di (2000), Rasulullah SAW memiliki akhlak yang agung, seperti yang digambarkan oleh Aisyah r.a. ketika beliau berkata yang bermaksud, "Akhlak baginda ialah al-Quran." Allah SWT memuji Rasulullah SAW dengan ayat-ayat yang menonjolkan kelembutan, kasih sayang, dan kepeduliannya terhadap umat. Baginda mudah didekati, lembut, dan sentiasa memenuhi keperluan sesiapa sahaja yang meminta bantuan tanpa pernah mengecewakan. Jika sahabat meminta sesuatu, baginda akan memenuhi permintaan itu selagi tidak ada halangan syariah. Dalam setiap perkara, baginda berbincang dengan sahabatnya, menerima kebaikan dari mereka, dan memaafkan kesalahan mereka. Rasulullah SAW melayani semua orang dengan penuh kemuliaan dan tidak pernah menunjukkan kekasaran, bahkan bersikap baik dan sabar terhadap sesiapa sahaja yang bergaul dengannya.

### c. Prinsip Keislaman Yang Bersifat Akmal

Prinsip yang ketiga ialah prinsip Islam yang bersifat Akmal menjelaskan Islam merupakan satu-satunya agama yang direldai-Nya dan ia merupakan agama yang sempurna dari segenap aspek (Mohd Haniff Mohammad Yusoff 2019).

Ya, Profesor itu kini Muslim. Apabila beliau bertemu dengan ayat al-Quran yang menceritakan mengenai proses perkembangan janin, ayat yang menepati dengan ilmu sains moden. Tidak mungkin ayat-ayat tersebut dicipta oleh manusia. Sekiranya beliau tidak tahu menahu mengenai ilmu

sains tersebut, pasti beliau tidak mampu menghayati ayat-ayat al-Quran yang menceritakan proses perkembangan janin."

(hlm. 96)

Petikan tersebut menunjukkan salah satu hujah watak Dr. Ahmad Zabidi dalam novel ‘Tuhan Lebih Saintifik’ untuk menjelaskan kepada pelajarnya betapa sains dan Islam sangat berkait rapat antara satu sama lain. Hal ini dapat dilihat dengan kebenaran agama Islam berdasarkan bukti-bukti kekuasaan Allah SWT yang disebutkan dalam al- Quran. Sains pula ialah salah satu bidang ilmu yang banyak membuktikan kebenaran yang terdapat dalam al-Quran. Sebagaimana penciptaan janin yang dikaji oleh saintis dan penemuan tersebut sudahpun disebutkan dalam al-Quran lama sebelum adanya teknologi lagi.

Hal ini sebagaimana yang dijelaskan Allah SWT dalam Surah Ghafir ayat 67:

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مَنْ تُرَابٌ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ يُخْرِجُكُمْ طَفْلًا ثُمَّ لَتَبْلُغُو أَشْدَدَهُمْ ثُمَّ لَتَكُونُوا شُيُوخًا وَمِنْكُمْ مَنْ يَتَوَفَّى مِنْ قَبْلِ وَلَتَبْلُغُوا أَجَلًا مُسْمَى وَلَعَلَّكُمْ تَغْقُلُونَ

Dialah yang menciptakan kamu dari tanah kemudian dari setitis mani, sesudah itu dari segumpal darah, kemudian dilahirkannya kamu sebagai seorang anak, kemudian (kamu dibiarkan hidup) supaya kamu sampai kepada masa (dewasa), kemudian (dibiarkan kamu hidup lagi) sampai tua, di antara kamu ada yang diwafatkan sebelum itu. (Kami perbuat demikian) supaya kamu sampai kepada ajal yang ditentukan dan supaya kamu memahami(nya).

*Allahu Akbar, Allahu Akbar*

*Allahu Akbar, Allahu Akbar*

*Ashadu an lailahalillah*

Tidak ada perkara yang lebih utama pada waktu itu melainkan menyahut panggilan Tuhan. Dia mengira jika dia terus pulang dan solat di rumah atau dalam perjalanan, dia tentu akan kelewatan mengerjakan solat maghrib.

(hlm. 90)

Salah seorang watak dalam novel ini memperlihatkan sisi baik seseorang yang beragama Islam dan nilai-nilai Islam sangat kuat dipegangnya. Agama Islam sangat menuntut untuk umatnya menuaikan solat di awal waktu dan mengelakkan daripada bertangguh. Hal ini demikian kerana solat merupakan perkara penting dan menjadi paksi utama keimanan seseorang mukmin. Tambahan lagi, ibadat solat merupakan rukun Islam yang kedua selepas mengucap dua kalimah syahadah dan tuntutan solat di awal waktu juga banyak disebutkan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari (2000) yang bermaksud:

Rasulullah SAW pernah ditanya: "Amalan apakah yang paling utama?" Baginda menjawab, "Beriman kepada Allah dan Rasul-Nya." Ditanya lagi, "Kemudian apa?" Baginda berkata, "Berjihad di jalan Allah." Ditanya lagi, "Kemudian apa?" Baginda menjawab, "Haji yang mabrur."

#### d. Prinsip Ilmu Dengan Sastera Yang Bersifat Takmilah

Prinsip keempat melihat hubungan sastera dengan ilmu yang mempunyai pertalian dengan diri sendiri khususnya melalui akal dan hati. Hal ini menjelaskan bahawa ilmu yang dibawa dalam kandungan sastera seharusnya berhubung kait dengan diri sendiri supaya makna dan mesej yang ingin disampaikan tidak terpesong (Mohd Haniff Mohammad Yusoff, 2019).

“Doktor, boleh beri sedikit tazkirah kepada kami? Sedikit sahaja, walau untuk beberapa minit itu sudah memadai buat kami. Kami di sini benar-benar kekosongan.” Ujar pelajar tersebut.

(hlm. 20)

Dialog tersebut ialah kata-kata permohonan mahasiswa yang mengambil aliran sains untuk diberikan tazkirah ringkas mengenai agama agar mampu menambahkan ilmu agama dalam diri mereka. Sebagai seorang pelajar, adalah suatu kepentingan untuk sentiasa mendengar ilmu mengenai penjelasan agama daripada guru yang lebih berilmu agar mampu menambahkan ilmu sedia ada. Hal ini tidak kira belajar dalam sebarang bidang, menjadi kewajiban untuk menambah ilmu pengetahuan sebanyak mungkin mengenai bidang yang diambil di samping mengaitkan ilmu yang diperolehi tersebut dengan kekuasaan Allah SWT. Allah SWT menjelaskan mengenai kelebihan manusia yang menuntut ilmu dalam Surah al-Mujadalah ayat 11:

الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَيْرٌ

Allah SWT meninggikan darjah orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan Agama (daripada kalangan kamu) dengan beberapa darjah.

Menurut (Sa'di 2000), Allah SWT mengajarkan adab kepada orang-orang beriman dalam ayat ini. Ketika mereka berkumpul di dalam majlis, dan ada yang memerlukan ruang, mereka diajar untuk memberi laluan dengan penuh adab. Tindakan ini tidak membawa mudarat kepada diri sendiri, tetapi memenuhi keperluan saudara dengan penuh hormat. Balasan bagi mereka yang melapangkan untuk orang lain adalah kelapangan dari Allah. Demikian juga, apabila diminta untuk bangun atau beralih tempat kerana keperluan tertentu, mereka disuruh melakukannya dengan segera untuk memenuhi maslahat yang ada. Tindakan ini adalah cerminan iman dan ilmu, dan Allah akan meninggikan darjah mereka yang berilmu dan beriman mengikut keistimewaan yang dikurniakan. Allah Maha Mengetahui segala amalan dan akan membala setiap perbuatan, sama ada baik atau buruk. Ayat ini menekankan keutamaan ilmu, yang memancarkan adab dan amal sejajar dengan tuntutannya.

#### e. Prinsip Sastera Yang Berciri Estetik dan Bersifat Takmilah

Prinsip yang keenam ini pula bermaksud pengkarya itu sendiri perlu melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu keislaman dan ilmu-ilmu yang berhubung dengan sastera iaitu seorang sasterawan muslim seharusnya tergolong dalam golongan yang alim dalam ilmu-ilmu Islam terutama ilmu yang ingin disampaikan kepada khalayak (Mohd Haniff Mohammad Yusoff, 2019).

Namun kini, dia mula memandangnya daripada kaca mata mencari kebenaran. Dia ingin mencari Tuhan yang layak untuk disembah. Dia membelek sehelai demi sehelai. Keegoan yang dipertahankan selama ini telah runtuh. Seolah-olah salji yang cair ketika musim panas.

(hlm. 343)

Frasa “seolah-olah salji yang cair ketika musim panas” menggambarkan perasaan ego watak utama yang semakin runtuh. Kebenciannya terhadap Islam yang pada awalnya sangat dalam semakin hilang dan digantikan dengan perasaan rindu yang sangat mendalam terhadap satu-satunya pencipta Yang Maha Agung iaitu Allah SWT.

f. Prinsip Pada Pengkarya Yang Seharusnya Mengistikmalkan Diri

Prinsip yang keenam ini pula bermaksud pengkarya itu sendiri perlu melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu keislaman dan ilmu-ilmu yang berhubung dengan sastera iaitu seorang sasterawan muslim seharusnya tergolong dalam golongan yang alim dalam ilmu-ilmu Islam terutama ilmu yang ingin disampaikan kepada khalayak (Kamariah Kamarudin, 2017).

Bagus. Golongan aties bergantung kepada kajian-kajian dan ilmu-ilmu sains. Manakala golongan penyembah berhala pula percaya buta kepada berhala-berhala yang mereka ukir. Kalau kita baca kisah dalam al-Quran, ada kisah Nabi Musa hendak melihat Allah. Baginda sebagai seorang Nabi tidak mampu. Kita kecil, bagaimana nak lihat Allah yang Maha Besar? Bagaimana semut nak lihat cakerawala berconggak di depannya.

(hlm. 99)

Penulis menjelaskan kepada pembaca tentang rasional manusia tidak boleh melihat tuhan. Hal ini dengan hujah-hujah berdasarkan kisah para nabi dan juga contoh logik akal bagi mengukuhkan lagi hujah-hujah tersebut. Secara tidak langsung, penulis memberikan kesedaran kepada pembaca tentang kepentingan berfikir secara logik dan ilmu-ilmu fakta untuk mengelakkan penindasan agama lain terhadap Islam.

g. Prinsip Khalayak Bertujuan Memupuk Mereka Ke Arah Insan Kamil

Prinsip yang ketujuh ialah hubungan antara khalayak dengan karya sememangnya tidak dapat dipisahkan. Oleh itu, sesebuah karya sastera Islam perlulah berunsurkan pendidikan, dakwah, menanam nilai-nilai tauhid, kekudusan, keagungan Tuhan, jihad, penentangan terhadap kebatilan dan sesuatu yang mengajak ke arah kebaikan (Kamariah Kamarudin, 2017).

Aku naik saksi bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah. Aku naik saksi bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah!

Dr. Donald menyebut ungkapan itu dengan tenang dan jelas. Ada satu perasaan yang unik menerpa ke dalam jiwanya sebaik sahaja mengungkapkan lafas tersebut.

(hlm. 359)

Penulis menggambarkan pengislaman watak Dr. Doland yang sangat memberi makna kepada dirinya. Ketenangan yang dirasai oleh watak memperlihatkan kepada pembaca betapa agama Islam adalah rahmat yang sangat besar dan wajib disyukuri. Hal ini demikian kerana, agama Islam adalah satu-satunya agama yang benar dan perkara ditegaskan oleh Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 19:

إِنَّ الَّذِينَ عِنْدَ اللَّهِ أَعْلَمُ

Sesungguhnya agama (yang benar dan direndai) di sisi Allah iaitu Islam.

Ayat ini menegaskan bahawa hanya Islam yang diterima oleh Allah sebagai agama yang benar. Menurut tafsiran ini, agama yang dimaksudkan adalah mengikut para rasul dalam setiap risalah yang disampaikan pada zamannya, hingga akhirnya ditutup dengan kerasulan Nabi Muhammad SAW. Semua jalan menuju Allah kini hanya melalui jalan yang dibawa oleh baginda. Oleh itu, sesiapa yang bertemu Allah selepas diutusnya Nabi Muhammad SAW dengan mengikuti agama selain syariat Islam, tidak akan diterima (Ibn Kathīr 1998).

### Kesimpulan

Secara keseluruhannya, novel Tuhan Lebih Saintifik karya Dr. Farhan Hadi telah berjaya mengaplikasikan Teori Takmilah secara menyeluruh melalui tujuh prinsip utamanya. Novel ini tidak hanya menyampaikan ilmu saintifik yang dikaitkan dengan keagungan dan kebesaran Allah SWT tetapi juga mempromosikan nilai-nilai Islam sebagai landasan kehidupan yang sempurna. Dengan menggunakan pendekatan yang berunsur dakwah, novel ini bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan, tetapi juga sebagai medium untuk meningkatkan kesedaran beragama dalam kalangan pembaca. Novel ini menggambarkan prinsip Ketuhanan melalui sifat Kamal (kesempurnaan) dan Jamal (keindahan) Allah SWT, yang ditonjolkan melalui perbincangan saintifik yang disokong oleh al-Quran. Prinsip Kerasulan dan keislaman pula diperlihatkan melalui perjalanan watak Dr. Donald dalam mencari kebenaran, yang akhirnya membawa kepada pengislaman beliau. Prinsip ilmu dan estetika turut diserahkan dengan pengolahan fakta saintifik yang seimbang dengan nilai-nilai seni sastera, menjadikan novel ini bukan sahaja berinformasi tetapi juga menarik dari segi penceritaan.

Melalui watak-watak seperti Dr. Ahmad Zabidi yang berfungsi sebagai "insan kamil," novel ini menonjolkan aspek kesempurnaan akhlak dan integrasi ilmu dengan nilai-nilai Islam. Keseluruhan karya ini menggambarkan bahawa sastera bukan sahaja sebagai medium hiburan, tetapi juga sebagai alat pendidikan yang efektif untuk menyebarkan dakwah. Kajian ini mendapati bahawa Tuhan Lebih Saintifik mampu memberikan impak positif kepada khalayak melalui nilai-nilai murni yang disampaikan secara halus namun berkesan. Dengan menggabungkan hujah saintifik dan keindahan naratif Islam, novel ini berfungsi sebagai contoh karya sastera Islam kontemporari yang mampu memperkayakan pemahaman pembaca terhadap Islam sambil memupuk kesedaran beragama.

## Rujukan

1. *Al-Quran.*
2. Asming Yalawae & Ahmad Farid Ibrahim. 2007. AKHLAK warisan rasulullah s.a.w membawa kemuliaan umat. *Jurnal Usuluddin*. 26:71–83.
3. Bukhari, Muhammad Ismail. 2000. *Sahih al-Bukhari*. Muhamamad Zuhayr Nasir Al-Nasir (pnyt.). Beirut: Dār Ṭawq al-Najāh.
4. Ibn Kathīr, Ismā‘il Ḥasan. 1998. *Tafsīr Al-Qurān Al-‘Aẓīm*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
5. Kamariah Kamaruddin, Tengku Intan Marlina & Tengku Mohamad Ali & Mawar Safei. 2016. *Takmilah, semiotik & intertekstualiti dalam karya Melayu*. Kuala Lumpur: Visual Print Sdn. Bhd.
6. Nurul Farahana Azman & Firuz Akhtar. 2021. Peranan akidah dan penghayatan ibadah dalam catatan kembara “pelukis jalanan” dan “arkitek jalanan” karya teme abdullah berdasarkan konsep pembangunan insan. *International Journal of West Asian Studies (IJWAS)*. 13:240–58.
7. Sa’di, Abdul Rahman Nasir. 2000. *Taysīr al-Karīm Al-Rahmān*. Beirut: Muassasah al-Risālah.
8. Shafie Abu Bakar. 1997. Takmilah: teori, falsafah dan prinsip. Dlm. Mana Sikana (pnyt.). *Teori Sastera Dan Budaya Dalam Kajian Akademik*. Bangi: FSSK, UKM.
9. Shahnon Ahmad. 1989. *Gubahan novel*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.